

KTM Komuter Sektor Utara mula operasi

» *Dijangka 2,500 penumpang sehari guna laluan Kamunting, Butterworth, Gurun*

Oleh Errah Amran
bhnews@bharian.com.my

Butterworth

Kira-kira 2,500 penumpang setiap hari akan menggunakan perkhidmatan Tren Shuttle KTM Komuter laluan Kamunting-Butterworth-Gurun yang mula beroperasi semalam.

Presiden Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Sarbini Tijan, berkata perkhidmatan yang menggunakan tren Electric Multiple Unit (EMU) itu menawarkan 14 perjalanan sehari, tujuh bermula dari stesen Kamunting dan tujuh lagi dari Gurun.

Katanya, purata kekerapan tren tiga gerabak itu adalah setiap tiga jam sekali dan tren pertama dari stesen Gurun akan bertolak pada jam 5.16 pagi, manakala dari Kamunting pada jam 5.25 pagi.

"Kita ingin memaklumkan tren terakhir dari Gurun (10.45 malam) dan Kamunting (10.37 malam) akan berakhir di Butterworth sahaja pada jam 11.30 malam dan penumpang masih sempat menaiki feri terakhir untuk ke Georgetown.

Berhenti di 11 stesen

"Bagi laluan lain, tren akan berhenti di 11 stesen membabitkan jarak 144 kilometer yang hanya

mengambil masa dua jam sahaja," katanya pada sidang media pelancaran Perkhidmatan Tren Shuttle KTM Komuter Sektor Utara di Stesen KTMB Bukit Mertajam di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus Besar KTMB Komuter, Azshidah Shah Shahari dan Pengurus KTMB Wilayah Utara, Rasul Yahya.

Kadar tambang

Perkhidmatan tren itu akan berhenti di setiap stesen KTMB membabitkan Kamunting, Bagan Serai, Parit Buntar, Nibong Tebal, Simpang Ampat, Bukit Mertajam, Bukit Tengah, Butterworth, Tasek Gelugor, Sungai Petani dan Gurun.

Kadar tambang perkhidmatan bermula daripada RM1 hingga RM10.50 bagi perjalanan sehala, manakala tambang separuh harga bakal dinikmati golongan warga emas, orang kurang upaya (OKU) selaian kanak-kanak ber-



Sarbini (dua dari kiri) **meninjau perkhidmatan tren shuttle KTMB Komuter Sektor Utara di Stesen KTMB Butterworth, semalam.**

[FOTO DANIAL SAAD/BH]

INFO

Laluan dan stesen tren KTMB Komuter sektor utara



GRAFIK ROSLI AMAN/BH

usia antara empat sehingga 12 tahun.

Sarbini berkata, tren terbahit memiliki 186 tempat duduk dan boleh memuatkan 450 penumpang dalam satu masa.

Sementara itu, penumpang, Abu Hassan Mohd Zahari, 82, berkata perkhidmatan tren itu memudahkan beliau berulang-alik dari Sungai Nyior, Pulau Pinang ke Sungai Petani.

"Saya kerap menziarahi anak saudara di Sungai Petani dan sebelum ini, saya menaiki bas dan ada ketika tiket habis dijual menyebabkan saya terpaksa berpatah balik.

"Dengan adanya tren ini, saya boleh melawat saudara-mara bila bila masa sahaja malah perjalanannya lebih selamat dan selesa," katanya.

INFO

KTM Komuter

- tren akan berhenti di 11 stesen membabitkan jarak 144 kilometer.
- tren terbahit **memiliki 186 tempat duduk** dan boleh memuatkan 450 penumpang dalam satu masa.
- **Kadar tambang** perkhidmatan bermula dari RM1 hingga RM10.50 bagi perjalanan sehala.
- **tambang** separuh harga bakal dinikmati golongan warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan kanak-kanak berusia antara empat sehingga 12 tahun.

04
12/1/2015
MIS 18